

# Medan generasi muda uji bakat

[ FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN/BH ]

Info

## DFKL 2019

- **Siri Jelajah DFKL 2019** bermula sepanjang Mac di beberapa lokasi seperti Management and Science University (MSU), Shah Alam;
- **Universiti Malaya (UM)** dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
- **Pelbagai aktiviti** dikendalikan di setiap lokasi termasuk uji bakat lakonan dan sesi kongsi idea (pitching).
- **Malam kemuncak DFKL 2019** akan disiarkan TV3 dari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 7 April depan.

➔ Elak ditipu ejen, DFKL sedia ruang ketengah potensi lakonan kepada penerbit

Oleh Hanisah Selamat  
hanisah@bh.com.my

**M**akin menampakkan hasilnya, Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) yang memasuki musim keenam, menjadi medan anak muda menonjolkan bakat sebagai pelapis dunia lakonan.

Duta program yang menawarkan pelbagai pengisian itu, Janna Nick memberitahu, DFKL memberi ruang selamat untuk anak muda mencuba nasib, jauh daripada penipuan ejen atau anasir lain yang cuba menanggung di air keruh niat generasi pelapis terjun dalam bidang seni.

"Ketika saya mencuba nasib pada usia 16 tahun dulu, pelbagai situasi dihadapi. Malah, daripada perbualan dengan orang lain, ada yang mengaku berdepan insiden menakutkan.

"Ditipu, dijanjikan 'bulan' dan 'bintang' serta individu yang cuba menyamar penerbit dan pengarah adalah antara perkara yang diceritakan kepada saya.

"Saya bersyukur, sepanjang proses 'naik turun' sesi uji bakat, saya tidak pernah melalui pengalaman begitu walaupun hakikatnya, setiap pekerjaan berisiko tinggi," katanya kepada HIP.

Sehubungan itu, tambah Janna, apabila DFKL memperkenalkan sesi uji bakat sebagai agenda promosi program, anak muda yang memiliki potensi untuk diketengahkan, wajar merebut peluang di hadapan mata.

Janna bertandang ke Balai Berita, Bangsar, baru-baru ini bersama teman seperjuangan yang menjadi duta DFKL 2019, mempromosikan festival itu yang akan diadakan pada 7 April depan.

Malam kemuncak Anugerah DFKL 2019 bakal disiarkan secara langsung oleh TV3 dari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

### Serah rezeki kepada peminat

Mengulas pencalonannya melalui drama *Semerah Cinta Umairah*, Janna enggan menaruh harapan. Sebaliknya, dia menyerahkan kepada penilaian peminat.

"Syukur apabila sekali lagi, saya

dan drama lakonan 'naik'. Jika diikutkan, sudah tiga kali saya mendapat kepercayaan ini.

"Cuma andai dilihat, pencalonan tahun lalu lebih sengit. Namun, sudah namanya rezeki, saya meraih trofi itu.

"Kali ini, seperti biasa, saya serahkan semuanya kepada undian ramai," katanya yang semakin menyerlah melalui drama rantaian *Leftenan Zana*.

Tidak ketinggalan berkongsi pesanan, pengacara Melodi itu berharap masyarakat lebih berhemah ketika beraksi dalam media sosial dan tidak menyalahgunakan kebebasan bersuara sesuai dengan slogan DFKL 2019 iaitu 'Positif Selalu'.

### Semangat Izzue kongsi nilai positif

Seorang lagi duta DFKL 2019, Izzue Islam berbesar hati diamanahkan menggalas tugas sebagai duta buat julung kalinya.

Izzue berkata, tanggungjawab mendidik orang ramai supaya tidak menyalahgunakan platform media sosial adalah amanah besar selain peringatan buat diri sendiri.

"Saya seronok memenuhi komitmen untuk 'turun padang' melaksanakan kempen jelajah dan sebagainya.

"Di setiap lokasi, saya dapat bertemu ramai orang dan merasa pengalaman baharu sama ada dalam berkongsi pandangan atau idea mengenai lakonan.

"Paling utama, tugas saya mengingatkan khalayak supaya menggunakan medium media sosial untuk perkara bermanfaat terutama dalam menjana pendapatan sampingan," katanya.

### Dulu tampil selekeh

Bagi Izzue, laman sosial adalah medium untuk berkongsi perkembangan kerjaya dengan peminat.

Namun, seperti selebriti lain, Izzue, tidak terkecuali berdepan komen pengikut. Namun, dia akan menyekat komen berbau provokasi supaya tidak berpanjangan.

"Kritikan membina dan kecaman tanpa asas adalah berbeza. Bagi mengelak aura negatif menular ke orang lain, lebih baik saya padam komen begitu. Andai keterlaluan, saya sekat saja akaun mereka.

"Saya bukan tidak boleh dikritik... Komen seperti cadangan untuk masuk kelas vokal dan sebagainya, saya terima dengan hati terbuka.

"Tetapi, paling saya pantang, jika kutuk keluarga. Dulu isteri saya, Awin difitnah menggunakan bomoh... Memang saya sekat," katanya.



Janna Nick dan Izzue Islam.

Mengenai kempen DFKL 2019, Izzue mengaku sesi uji bakat menggilap lebih ramai bakat pelapis untuk mewarnai bidang seni tanah air.

"Saya bermula sebagai pelakon tambahan. Saya pernah menghadiri uji bakat lakonan pada 2008. Saya tampil selekeh pada pembabitan awal dulu.

"Selepas dua tahun membawa watak tambahan, saya jadi pelakon pembantu. Perjalanan saya agak berliku," katanya yang sudah 10 tahun bergelar anak seni.



Antara sesi uji bakat yang mengisi slot siri jelajah DFKL.